

Dr. M ulangi gesaan pungutan cukai

KUALA LUMPUR 24 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengulangi eadangan beliau supaya diadakan pungutan cukai untuk pelbagai bidang perniagaan global.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, mana-mana negara yang memperoleh keuntungan hasil perdagangan mereka perlu membayar cukai kepada satu badan dunia yang akan menguruskannya.

"Bagi kebanyakan negara, mereka yang memperoleh kekayaan dalam perniagaan masing-masing membayar cukai kepada kerajaan.

"Dalam dunia global sekarang, mereka yang memperoleh keuntungan hasil perdagangan perlu membayar cukai kepada satu badan dunia yang mana boleh digunakan imtuk meningkatkan ekonomi di kalangan negara miskin," katanya ketika berucap pada Forum Boao Untuk Asia di Wilayah Hainan, China hari ini. Teks ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Ini merupakan kali kedua beliau hadir pada forum itu sejak ia dimulakan pada 2001.

Tbkoh-tokoh lain yang turut berucap kali ifd ialah Presiden China, Hu Jintao; Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Perdana Menteri Pakistan, Zafarullah Khan

Jamali dan Presiden Republik Czech, Vaclav Klaus.

Dalam ucapannya yang bertajuk. Pencarian Asja Untuk Menang-Menang: Keterbukaan Asia Kepada Dunia, Dr. Mahathir menjelaskan, apa juga bentuk dan jumlah dalam tabung khas dunia itu boleh diteliti kemudian.

Beliau juga menegaskan, negara rantau Asia perlu diberi peluang perdagangan yang lebih saksama.

Katanya, dengan berbuat demikian ia boleh membantu negara terbabit memperoleh situasi 'menang-menang' dengan pembabitan yang lebih meluas dalam sektor perdagangan.

"Negara-negara Asia perlu memainkan peranan dalam membentuk karakter dalam perdagangan dunia pada masa depan bagi mengelakkannya terus mengalami kekalahan," katanya.

Jelas beliau, negara rantau ini perlu bertindak sebegitu kerana Asia perlu mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk menawarkan sesuatu dalam bentuk perdagangan dengan negara Eropah.

"Asia mesti bersikap terbuka dan membuat persediaan dalam perdagangan dan pelaburan dalam usaha untuk menerima

pelaburan asing.

"Bagaimanapun mereka perlu memastikan mereka mendapat ganjaran daripada sikap keterbukaan itu seperti mana diperoleh oleh negara-negara Eropah," ujarnya.

Biarpun begitu, Dr. Mahathir berj>enapat, halangan pertama yang perlu mereka atasi ialah ketidakupayaan mereka untuk menyuarakan sesuatu menerusi satu suara.

Oleh itu, beliau yakin jika negara-negara Asia dapat bersuara dengan dalam nada penyatuan, ia akan lebih berkesan untuk membangunkan formula Menang-Menang Untuk Asia.

Mahathir tiba di China pada 20 April lalu untuk lawatan keija enam hari bagi memenuhi jemputan Institut Hal Ehwai Luar Rakyat China di Kementerian Luar China sempena ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Beliau yang diiringi oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan anak-anak, Mazhar dan Maizura, sebelum ini dianugerahkan ijazah kehormat daripada fakulti ekonomi dan pengurusan Universiti Tsinghua.